

**Sektor Swasta**  
**(Syarikat Pembuatan, Pembinaan,  
Perkhidmatan, Perdagangan)**

**1. Agen Perantara**

Menjadi agen perantara menyalur maklumat, dasar dan program pihak swasta.

**2. Perancangan Bersama**

Bersama-sama dengan kumpulan berkepentingan dalam proses membuat keputusan, merancang dan melaksana pembangunan setempat.

**3. Keputusan**

Sektor swasta diberi peluang sepenuhnya dan digalak untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses membuat keputusan mengenai pembangunan di peringkat tempatan.

**4. Pelan Tindakan**

Menyediakan pelan tindakan strategi menyeluruh sebagai garis panduan yang khusus di semua peringkat pelaksanaan oleh agensi pelaksana, badan swasta dan masyarakat awam.

**5. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)**

Pihak swasta digalakkan membayai atau bersama - sama bertanggungjawab ke atas program/aktiviti yang telah dirancangkan.

**6. Hebahan Media**

Pihak swasta terutamanya pihak media dan para ilmuan memperbanyakkan bahan penulisan atau rencana untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran awam akan peluang dan pentingnya penglibatan mereka dalam menangani isu-isu setempat.


**7. Kerja Berpasukan**

Bersama dengan Pihak Berkuastra Tempatan (MPK) dan masyarakat/orang awam sebagai satu pasukan.

**8. Laporan dan Penilaian Semula**

Mendokumentkan semua program/aktiviti yang telah dilaksana dan membuat penilaian semula untuk penambahbaikan.

**Carta Organisasi  
Local Agenda 21 (LA 21), MPK**



**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

**LOCAL  
AGENDA 21  
( LA21 )**



**MPK Prihatin**

Terbitan :  
Unit Pembangunan Mampan  
Jabatan Perancang Bandar & Wilayah  
Majlis Perbandaran Klang  
Tingkat 1, Blok A, Pusat Perniagaan Jalan Raya Barat,  
41000 Klang Bandar DiRaja, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +6.03.3375.7850 Faks: +6.03.3371.0690

## Pendahuluan

Local Agenda 21 (LA 21), MPK ditubuhkan pada tahun 2000 dengan matlamat penyelarasan dan pelaksanaan bagi program Agenda 21 Negeri Selangor.

Namun begitu, program / aktiviti berkaitan dengan LA 21 telah dilaksanakan oleh pihak Majlis lama dahulu tetapi tidak didokumenkan sepertimana kehendak pelaksanaan Agenda 21 Negeri Selangor. Sebagai contoh adalah program-program seperti berikut :-

- a. Sukan Rakyat Sempena Kemahkotaan DYMM Sultan Selangor di Kompleks Sukan Pandamaran.
- b. Majlis Gotong-Royong Perdana Klang di Seluruh Daerah Klang Mengikut Zon.
- c. Karnival Merdeka Klang 2003 di Kompleks Sukan Pandamaran.
- d. Operasi Menembak Gagak di Daerah Klang.
- e. Program Membasmi Jenayah dan Dadah Habis-Habisan Peringkat Negeri Selangor di Kompleks Sukan Pandamaran.

LA 21 merupakan suatu program yang menekankan penglibatan tiga pihak iaitu PBT (MPK), Masyarakat dan sektor swasta bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi.



Penyertaan masyarakat setempat sangat penting bagi menjamin kejayaan Local Agenda 21.

## Fungsi dan Peranan Tiga (3) Pihak Terlibat Local Agenda 21

### Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Klang)

#### 1. Agen Perantara

Menjadi agen perantara menyalur maklumat, dasar dan peraturan Majlis.

#### 2. Perancangan Bersistematis

Membuat perancangan pengurusan yang bersistem seperti pembuangan sisa pepejal, kutipan sampah berjadual, pemberian jalan atau longkang yang berkala dan diuruskan oleh pihak yang profesional.

#### 3. Pelan Tindakan

Menyediakan pelan tindakan strategik menyeluruh sebagai garis panduan yang khusus di semua peringkat pelaksanaan oleh agensi pelaksana, badan swasta dan masyarakat awam.

#### 4. Syarat Kelulusan Pembangunan

Mempertingkatkan syarat kelulusan pembangunan dengan kebenaran merancang (KM) dan pelan lulus serta menggunakan konsep EIA yang menyeluruh.

#### 5. Pemantauan

Memperkasakan pemantauan aktiviti / program yang dijalankan dalam pengurusan pembangunan dan alam sekitar khususnya untuk mewujudkan satu persekitaran yang sihat dan bersih.

#### 6. Penglibatan Bersama

Mewujudkan pelbagai kaedah kreatif untuk menyebarluaskan maklumat untuk menggalakkan penglibatan semua pihak yang berkepentingan dalam setiap aktiviti yang dianjurkan ke arah pembangunan mampan bersepadu berdasarkan konsep pembinaan hijau.

#### 7. Kerja Berpasukan

Bersama dengan orang awam dan sektor swasta sebagai satu pasukan.

#### 8. Laporan dan Penilaian Semula

Mendokumentkan semua program/aktiviti yang telah dilaksanakan dan membuat penilaian semula untuk penambahbaikan.

### Masyarakat

(Persatuan Penduduk/Orang Awam/NGO)

#### 1. Agen Perantara

Menjadi agen perantara menyalur maklumat dan program masyarakat.

#### 2. Perancangan Bersama

Masyarakat setempat bebas menyuarakan pandangan dan pendapat serta mengemukakan cadangan dalam pelbagai perkara yang mempunyai kepentingan sepunya.

#### 3. Keputusan

Keputusan mengenai pembangunan dibuat hanya selepas pandangan pelbagai pihak berkepentingan diperolehi dan dipertimbangkan.

#### 4. Pelan Tindakan

Menyediakan pelan tindakan strategik menyeluruh sebagai garis panduan yang khusus di semua peringkat pelaksanaan oleh agensi pelaksana, badan swasta dan masyarakat awam.

#### 5. Pemantauan

Berkongsi tanggungjawab merancang, mengurus, melaksana dan memantau pembangunan setempat untuk memastikan semua program yang dianjurkan ke arah persekitaran yang sihat dan bersih.

#### 6. Penglibatan Bersama

Mengadakan pertemuan, perbincangan dan bengkel merupakan agenda utama dalam proses pembangunan mampan serta menggalakkan orang ramai turut serta dalam program yang telah sama-sama direncanakan.

#### 7. Kerja Berpasukan

Bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (MPK) dan sektor swasta sebagai satu pasukan.

#### 8. Laporan dan Penilaian Semula

Mendokumentkan semua program/aktiviti yang telah dilaksanakan dan membuat penilaian semula untuk penambahbaikan.